

SI SCALLIWATTY



ROTIMI OGUNJOBI

Rotimi Ogunjobi

Si Scalliwatty

«Tektime S.r.l.s.»

Ogunjobi R.

Si Scalliwatty / R. Ogunjobi — «Tektime S.r.l.s.»,

Harimau Bintang berkawan dengan seekor haiwan yang licik bernama Scalliwatty yang kemudiannya memakan semua anak-anak Harimau Bintang. Harimau Bintang mencuba beberapa kali untuk memerangkap Scalliwatty namun gagal.

Si Scalliwatty

ROTIMI OGUNJOBI

Penterjemah : Azimah Arifin

Hak cipta © 2019 Rotimi Ogunjobi

Hak cipta terpelihara.

DEDIKASI

Kepada semua kanak-kanak di seluruh dunia tanpa mengira usia

KANDUNGAN

[The Scalliwatty](#)

[DEDIKASI](#)

[KANDUNGAN](#)

[SCALLIWATTY MEMBUAT RANCANGAN JAHAT](#)

[SCALLIWATTY MEMAKAN ANAK-ANAK HARIMAU BINTANG](#)

[SCALLIWATTY DI JAMUAN BESAR](#)

[SCALLIWATTY MEMBUNUHHARIMAU BINTANG](#)

[PENGAKHIRAN HIDUP SCALLIWATTY](#)

[MENGENAI PENULIS](#)

[SCALLIWATTY MEMBUAT RANCANGAN YANG JAHAT](#)

Scalliwatty ialah seekor binatang yang licik dengan rupa yang sangat pelik. Dia kelihatan seperti musang namun mempunyai cengkerang di belakangnya seperti seekor kura-kura. Kebanyakan haiwan yang tinggal di Kota Rimba mengelak daripada Scalliwatty kerana dia bukan sahaja seekor makhluk yang sangat jahat tapi juga seekor haiwan yang menawan.

Suatu hari, Scalliwatty pergi melawat sang Harimau Bintang.

"Wahai kawanku Harimau Bintang, aku mahu membantumu membuat sesuatu yang akan menjadikan kamu lebih terkenal daripada Raja Singa. Aku akan menghias anak-anakmu dengan tompok yang tidak pernah dilihat di mana-mana. Dan apabila aku sudah mewarnakan mereka, semua haiwan di Kota Rimba ini akan sedar yang Raja Singa bukanlah tandinganmu. Akhirnya, semua binatang di Kota Rimba akan bersama-sama melantik kamu sebagai raja dan bukan Singa. Haiwan-haiwan itu semua akan melutut dan merayu di depan engkau: Hidup Raja Harimau Bintang!"

Sang Harimau Bintang begitu gembira mendengar perkara ini dan dia terus memeluk Scalliwatty dengan mesra.

"Bila kamu mahu melakukan perkara ini untukku?" Tanya Harimau Bintang.

"Mula-mula kamu harus membina sebuah rumah kecil berdekatan dengan sungai. Rumah ini mesti ada hanya sebuah pintu dan sebuah tingkap. Dan selepas kamu telah siap membina, aku akan bawa ketujuh-tujuh ekor anakmu bersamaku ke rumah itu dan kami akan tinggal bersama-sama selama tujuh hari untuk aku mengecat tompok-tompok yang cantik pada badan mereka" beritahu Scalliwatty kepada Harimau Bintang.

Apabila Harimau Bintang memberitahu perkara ini kepada isterinya, isterinya begitu marah dan kecewa namun Harimau Bintang ialah seekor haiwan yang degil dan tidak mahu mengikut nasihat isterinya. Maka, sang Harimau Bintang pun membina sebuah rumah kecil dengan satu

pintu dan satu tingkap berhampiran dengan tebing sungai yang lebar dan besar berdekatan dengan



Конец ознакомительного фрагмента.

Текст предоставлен ООО «ЛитРес».

Прочитайте эту книгу целиком, [купив полную легальную версию](#) на ЛитРес.

Безопасно оплатить книгу можно банковской картой Visa, MasterCard, Maestro, со счета мобильного телефона, с платежного терминала, в салоне МТС или Связной, через PayPal, WebMoney, Яндекс.Деньги, QIWI Кошелек, бонусными картами или другим удобным Вам способом.